

Dr. Mahathir dianugerah Grand Fellow DPMM

UM 02 DEC 2004
KUALA LUMPUR 1 Dis. — Kejayaan dan kewibawaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terus mendapat pengiktirafan apabila dianugerahkan dengan Grand Fellow Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Kuala Lumpur pada satu majlis di ibu negara malam ini.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Yang diPertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail pada satu majlis makan malam di Hotel Palace of Golden Horses, Seri Kembangan, Kuala Lumpur.

Pada majlis yang dihadiri lebih 500 jemputan dari kalangan usahawan bumiputera itu, Yang diPertuan Agong telah berkenan melancarkan Dewan Card yang bakal dijadikan kad keanggotaan DPMM Kuala Lumpur.

Seri Paduka dan Dr. Mahathir merupakan dua pemegang pertama kad eksklusif tersebut.